

# Kebenaran buka taska, tadika disambut baik

Norma baharu menjadi amalan pembelajaran institusi prasekolah, memerlukan kerjasama ibu bapa

Oleh Henry Bating

**LABUAN:** Pengusaha institusi prasekolah seperti Taska dan Tadika menyambut baik kebenaran memulakan operasi sektor berkenaan dengan menyatakan norma baharu ini menjadi sebahagian pembelajaran di sektor berkenaan.

Pengusaha Taska Permata Kecilku Sitti Huzaimah Abdul berkata, sebagai pengusaha Taska dan Ibu bapa kepada anak yang bersekolah di Tadika pihaknya menyambut baik pembukaan semula sektor perkhidmatan prasekolah dan Tadika.

“Dalam memulakan operasi, kita perlu memikirkan aspek keselamatan anak-anak semasa persekolahan,” katanya yang mengusahakan Taska di Layangan dan Kolej Matrikulasi Labuan.

Huzaimah menjelaskan, pendedahan norma baharu kepada anak-anak juga perlu dititikberatkan dalam pembiasaan realiti baharu kehidupan yang perlu dijalani anak-anak.

Demi mencapai keperluan itu, Huzaimah melihat pentingnya kerjasama di antara ibu bapa dan guru-guru prasekolah.

Berkaitan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan, kata Huzaimah langkah berkenaan adalah yang terbaik dan perlu diutamakan sebelum dan selepas operasi.

“Sebelum memulakan operasi, kita perlu memastikan guru-guru telah menjalani ujian swab,” katanya sambil menambah, sanitasi dan dispensi Taska atau Tadika



**PREMIS:** Taska Permata Kecilku Layangan.



**SUHU:** Kanak-kanak yang tiba diperiksa sebelum diterima masuk ke Taska.

perlu dijalankan sebelum dan selepas operasi setiap hari.

Menurutnya, cecair pem-

basmi kuman di luar premis perlu disediakan di samping mewajibkan pemeriksaan



**PENJARAKAN:** Kanak-Kanak Taska Permata Kecilku di Kolej Matrikulasi Labuan.



**PEMERIKSAAN:** Ibu bapa yang tiba diperiksa suhu dan mengisi buku rekod.

suhu kanak-kanak dan ibu bapa yang menghantar sebelum masuk ke dalam bangunan Taska atau Tadika dengan menulis nama dalam buku rekod.

Kanak-kanak juga katanya, perlu dibiasakan mencuci tangan sekerap mungkin dengan

memberi latihan setiap hari tentang pentingnya penjarangan kebersihan.

Huzaimah menjelaskan, norma baharu menjadi aspek penting pembiasaan kanak-kanak seperti penjarakan sosial yang menuntut kreativiti di kalangan pengusaha dan

pendidik.

“Sebagai contoh, aktiviti ‘circle time’ kanak-kanak yang membiasakan amalan tidak berkumpul dalam kelompok yang ramai,” katanya.

Dalam aktiviti itu katanya, kanak-kanak setiap seorang diberikan kotak atau bakul yang mengandungi bahan mainan seperti lego, buku mengikut usia dan mainan yang merangsang perkembangan dengan berada pada pelekat penjarakan 1meter.

Beliau yakin segala amalan dalam norma baharu akan terus dipatuhi dengan adanya pemantauan dan pemeriksaan kerap oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Labuan ke premis pelbagai institusi prasekolah untuk memastikan SOP dipatuhi.

Huzaimah yang dibantu gurunya Siti Masita berharap semua pihak seperti ibu bapa guru-guru dan agensi-agensi kerajaan dapat memastikan amalan SOP norma baharu diamalkan.